

Melalui sistem peraturan penyelenggaraan data bagi sistem maklumat IPTA UMP terima pencapaian 5 bintang

UM (Kl) Kuala 6/7/11 ms26

Oleh SITI NORIZAT
SHIKH ABDUL JALIL
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 5 Julai - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperoleh tempat pertama dengan pencapaian lima bintang melalui sistem peraturan penyelenggaraan data bagi sistem maklumat berkaitan insidusi pengajian tinggi awam (IPTA) MyMoheS, baru-baru ini.

Naib Canselornya, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, My-

MoheS merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian maklumat antara Kementerian Pengajian Tinggi serta agensi kerajaan lain.

Katanya, dengan pelaksanaan itu, pertukaran data antara agensi dengan kementerian dapat dilaksanakan dengan bersistematis, mudah dan cepat.

"Sistem MyMoheS juga membantu universiti dan pihak kementerian dalam menyediakan perancangan,

menggubal dasar dan membangunkan sistem pangajian tinggi dengan lebih berkesan," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Apresiasi MyMoheS bagi meraikan 100 kakitangan UMP yang berjaya mencapai kejayaan tersebut di sini, baru-baru ini.

Katanya, pelaksanaan amalan budaya kerja cemerlang menjadi keutamaan dan perlu diteruskan untuk kelestarian organisasi serta seiring dengan matlamat utama se-

bagai penggerak agenda Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Saya berbangga dengan pengiktirafan itu dengan mencatat markah 97.79 peratus bagi memenuhi kriteria seperti ditetapkan pihak kementerian," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dr. Shamsudin Baharin berkata, data yang dikumpul itu perlu dianalisa dan dijadikan sebagai penanda aras untuk pencapaian Pelan Strategik UMP.

Katanya, universiti itu perlu memberi keutamaan terhadap pencapaian terhadap bidang keberhasilan universiti termasuk penjenamaan bagi mengetengahkan nama UMP ke khalayak masyarakat.

"Kaedah penarafan bintang yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi itu bertujuan melihat tahap kesediaan IPTA dalam pengurusan dan pembekalan data mengikut kategori tempoh masa penghantaran, kesempurnaan dan kualiti data," katanya.